

Pilihan Raya Kampus Usim 2020/2021

Oleh: Rosniza Binti Abd Radzi 1181361



Gambar hiasan

USIM- Pilihan Raya Kampus USIM 2020/2021 memberikan cabaran hebat buat 39 orang calon yang bertanding kali ini.

Pilihan Raya Kampus (PRK) pada kali ini akan diadakan sepenuhnya dalam talian berikutan wabak Covid-19 yang melanda negara. Ini juga merupakan cabaran yang hebat untuk kesemua calon bertanding memandangkan keseluruhan proses dijalankan secara atas talian.

Salah seorang calon yang bertanding, Nur Abidah Mohd Zahari berkata, salah satu cabaran yang besar bagi dirinya ialah semasa proses pengenalan calon yang diadakan secara maya menyukarkan dirinya untuk memastikan semua pelajar cakna akan hal ini.

“Saya memanfaatkan sepenuhnya platform media sosial yang ada dengan menyebarkan poster bagi tujuan mempromosikan manifesto bagi PRK kali ini.

“Saya juga mengambil peluang masuk ke dalam platform pembelajaran pelajar seperti *Teams* terutama sekali pelajar tahun satu selama satu ke tiga minit bagi tujuan yang sama”, katanya.

Sementara itu, penolong bagi salah seorang calon yang bertanding Fatin Syamina Ahmad Zaihan pula berkata, sambutan daripada pelajar kurang memberangsangkan kerana apabila calon membuat *live* di laman sosial ataupun program atas talian, jumlah pelajar yang hadir amatlah sedikit dan ini merupakan salah satu cabaran dihadapi.



Gambar hiasan

PRK yang akan berlangsung pada 26 November ini mempertandingkan 39 buah kerusi, 16 orang calon umum akan bertanding bagi sembilan buah kerusi umum dan 23 orang bertanding bagi mengisi 18 buah kerusi fakulti.

Pelajar USIM juga akan mengundi secara atas talian dengan menggunakan satu laman web khas yang dibangunkan bagi PRK 2020/2021. Undian boleh dilakukan seawal jam 8 pagi sehingga pada jam 6 petang.